

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : PUAN TERESA KOK SUH SIM [SEPUTEH]

TARIKH : 12 NOVEMBER 2020 (RABU)

SOALAN

PUAN TERESA KOK SUH SIM [SEPUTEH] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan sama ada Menteri Perladangan dan Komoditi telah memulangkan semua gajnya sebagai menteri bermula Mei hingga Ogos 2020 kerana melanggar SOP kuarantin COVID-19 selepas pulang dari Turki, seperti apa diumumkan oleh beliau. Berapa jumlah amaun yang telah dipulangkan oleh beliau kepada Kerajaan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Seperti yang diumumkan, saya telah menyumbang 4 bulan gaji saya (Mei hingga Ogos 2020) ke Tabung Bantuan Bencana Negara atau dikenali juga sebagai Tabung COVID-19. Sebagai tambahan, saya juga telah menyumbang sebahagian besar elauan saya bagi tempoh yang sama (Mei hingga Ogos 2020) kepada 10 buah persatuan kebajikan bukan kerajaan (NGO) untuk disalurkan kepada golongan yang terjejas akibat COVID-19

Sekian terima kasih.